

Headline	Dua kementerian pantau harga barang		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Johor)		
Date	06 Jun 2018	Color	Full Color
Section	Berjimat atasi beban kenaikan harga minyak	Circulation	13,735
Page No	23	Readership	41,205
Language	Malay	ArticleSize	383 cm <sup>2</sup>
Journalist	AZIZI MAJID	AdValue	RM 3,263
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,788



Penguatkuasaan dijalankan secara bersepada

# Dua kementerian pantau harga barang

Oleh AZIZI MAJID

pengarang@utusan.com.my

■ JOHOR BAHRU 5 JUN

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) akan bekerjasama menjalankan penguatkuasaan bagi memantau bekalan dan harga barang keperluan berikut pelupusan cukai barang dan perkhidmatan (GST) mulai awal bulan ini dan menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Salahuddin Ayub berkata, kerjasama itu bagi membolehkan penguatkuasaan dijalankan secara bersepada walau pun belum ada menteri dilantik bagi menerajui KPDNKK.

Beliau berkata, perkara itu telah dibangkitkannya dalam mesyuarat Kabinet pada 1 Jun lalu dan mendapat maklum balas positif daripada Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

"Perkara ini telah selesai, walaupun tiada lagi Menteri KPDNKK, Perdana Menteri telah ambil tindakan menggunakan kuasa yang ada dengan penguatkuasaan akan dilakukan oleh ketua setiausaha kedua-dua kementerian berkenaan.

"KSU kedua-dua kementerian tersebut juga telah mengadakan mesyuarat untuk menjalankan penguatkuasaan (bagi mengeсан) sekiranya berlaku peniaga menaikkan harga barang keperluan menjelang sambutan Aidilfitri tidak lama lagi," katanya pada Program Bingkisan Ramadan di Surau Al Amin Kampung Pasir Tampoi, Tampoi di sini baru-baru ini.



SALAHUDDIN AYUB menyampaikan sumbangan kepada Maimunah Ahmad dalam Program Bingkisan Ramadan di Surau Al-Amin Kampung Pasir Tampoi, Johor Bahru baru-baru ini.

Mengulas bekalan bahan mentah seperti ikan, ayam, daging dan sayur-sayuran yang biasa digunakan ketika perayaan Aidilfitri berikut pelaksanaan GST sifar, Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulai memberi jaminan bekalan adalah mencukupi.

Katanya, penguatkuasaan secara berterusan adalah penting bagi memastikan tidak berlaku

kekurangan bekalan bahan mentah dan kenaikan harga menjelang sambutan tersebut tidak lama lagi.

Pada program itu, beliau menyampaikan bantuan berupa barang kepada 51 penduduk kurang berkemampuan di kawasan Parlimen Pulai bagi meringankan bebanan mereka membuat persiapan Aidilfitri.